3.2.2	Menulis	Mengimlak perenggan yang dibacakan dengan tepat.



2.3.1	Membaca	Membaca, memahami dan menyampaikan maklumat daripada pelbagai teks dengan betul dan tepat.

RAUB, 3 Oktober – Merawat lebih baik daripada mengubati. Ungkapan ini sesuai dengan usaha berterusan Mesra Alam Mega Berhad yang komited memelihara dan memulihara alam sekitar.

Menerusi usaha itu, program Kempen Lestari terus menjadi program tahunan bagi mewujudkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar khususnya dalam kalangan remaja.

Ketua Pegawai Eksekutif Mesra Alam Mega Berhad, Datuk Baharuddin bin Hassan berkata bahawa program yang berinspirasikan tema Masa Hadapan Dunia di Tangan Anda sangat bertepatan dan sekali gus menjadi kesinambungan program Mesra Alam yang berpaksi kepada kesedaran dan penghargaan terhadap alam sekitar.

Oleh sebab itu, seramai 40 orang anak kakitangan Mesra Alam Mega Berhad telah dibawa menyertai program selama tiga hari. Program ini bertujuan memupuk semangat cinta akan alam sekitar dan membina jati diri.

LIVEWORKSHEETS

MAKLUMAT	
Program	**1.** **2.**
Tujuan	**1.** **2.**
Ketua Pegawai Eksekutif Mesra Alam Mega Berhad	
Jumlah anak kakitangan	
Hari	

LIVEWORKSHEETS